KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	77 peratus pelajar MRSM ditawarkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda
PAUTAN	https://tinyurl.com/3a3tpkn9

77 peratus pelajar MRSM ditawarkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda

Bernama
11/09/2026 | 10:10 MYT

Dapatkan berita terkini setiap masa di aplikasi Astro AWANI
Muat Turun Sekarang



Tun Ramli (tengah) hadir merasmikan Majlis Penutupan Kejohanan Sukan dan Permainan MRSM Kebangsaan 2026 (SUPER X) di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia (USM), George Town, malam tadi. - Gambar Bernama

Advertisement

GEORGE TOWN: Kajian pengesanan pelajar terhadap lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) tahun 2025 menunjukkan 77 peratus pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ditawarkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ramli Ngah Talib berkata, kajian Bahagian Pendidikan Menengah Majlis Amanah Rakyat (MARA) itu turut merekodkan 92 peratus lulusan telah mengikuti bidang aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Pencapaian itu amat membanggakan dan yakin peratusan tersebut mampu ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa, namun anak-anak perlu diingatkan bahawa ilmu yang tinggi perlu berjalan seiring dengan akhlak, integriti dan sifat bertanggungjawab.

"Negara bukan sahaja memerlukan generasi yang pintar menggunakan teknologi tetapi juga generasi yang mempunyai kebijaksanaan untuk menggunakannya demi kebaikan manusia dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Penutupan Kejohanan Sukan dan Permainan MRSM Kebangsaan 2026 (SUPER X) di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, malam tadi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	77 Peratus Pelajar MRSM Ditawarkan Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda
PAUTAN	https://tinyurl.com/n85kfh9k

77 Peratus Pelajar MRSM Ditawarkan Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda

11/09/2026 09:49 AM



GEORGE TOWN, 11 Sept (Bernama) -- Kajian pengesanan pelajar terhadap lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) tahun 2025 menunjukkan 77 peratus pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) ditawarkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Ramli Ngah Talib berkata kajian Bahagian Pendidikan Menengah Majlis Amanah Rakyat (MARA) itu turut merekodkan 92 peratus lulusan telah mengikuti bidang aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Pencapaian itu amat membanggakan dan yakin peratusan tersebut mampu ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa, namun anak-anak perlu diingatkan bahawa ilmu yang tinggi perlu berjalan seiring dengan akhlak, integriti dan sifat bertanggungjawab.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Program Jelajah Antirasuah IPMA 2026 kukuh integriti pelajar
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wzcftjt

Program Jelajah Antirasuah IPMA 2026 kukuh integriti pelajar

SITI NOOR FAEZAH MUDA Follow

11 September 2026 12:01pm
Masa membaca: 3 minit

Tambahkan pada Sumber Pilihan



Duduk dari kiri, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia – Rasuah Busters, Nurhayati Nordin, Muhamad Nasir, Abdul Athar dan Ketua Penolong Pengarah Unit Integriti Mara, Mohd Yusoff Hamid.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

BESUT - Usaha membentuk generasi berintegriti perlu dimulakan sejak di institusi pendidikan agar mereka bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal, malah turut mempunyai prinsip yang kukuh ketika memasuki dunia pekerjaan.

Pengarah TVETMARA Besut, Ir Ts Abdul Athar Ibrahim berkata, ini kerana kemahiran membina kerjaya dan integriti menentukan bagaimana seseorang menggunakan ilmu serta amanah yang diberikan.

Menurutnya, pelajar TVETMARA khususnya perlu diberi pendedahan awal mengenai kepentingan integriti dan bahaya rasuah memandangkan sebahagian besar pelajar institusi itu tidak pernah terdedah secara dekat kepada aspek pencegahan rasuah.

"Sebenarnya, kebanyakan pelajar kita yang masuk di sini merupakan pelajar yang tidak terdedah dengan program-program sebegini.

"Ini adalah salah satu perkara yang kita rasa perlu diberikan kepada para pelajar kerana mereka secara langsung akan terlibat dengan dunia luar yang lebih mencabar," katanya kepada Rasuah Busters selepas Program Jelajah Antirasuah IPMA 2026 di TVETMARA Besut pada Selasa.

Program anjuran Unit Integriti Majlis Amanah Rakyat (MARA) tersebut disertai kira-kira 200 peserta melibatkan pelajar daripada semester satu hingga lima daripada pelbagai jurusan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	SUPER x 2026 platform perkasa bakat, lahir generasi berprestasi tinggi
PAUTAN	https://tinyurl.com/338drss7

SUPER X 2026 platform perkasa bakat, lahir generasi berprestasi tinggi

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI Follow

11 September 2026 11:01am
Masa membaca: 4 minit

Tambahkan pada Sumber Pilihan



Kontinjen MRSM Kedah diwakili 170 atlet dari MRSM Pendang, MRSM PDRM Kulim, MRSM Merbok, MRSM Kubang Pasu, MRSM Baling dan MRSM Langkawi dinobat sebagai juara keseluruhan SUPER X 2026

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

KEJOHANAN Sukan dan Permainan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kebangsaan 2026 (SUPER X) bukan sekadar medan pertandingan sebaliknya menjadi platform penting dalam mengenal pasti, mencungkil dan mengembangkan bakat pelajar MRSM ke tahap lebih tinggi.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Seri Zulfikri Osman berkata, penganjuran SUPER X 2026 membuktikan sukan merupakan sebahagian daripada ekosistem pembangunan pelajar yang memberi ruang kepada mereka menguji potensi, meningkatkan prestasi serta membina pengalaman menerusi persaingan sihat.

Menurutnya, SUPER X 2026 menghimpunkan seramai 2,968 atlet muda daripada 14 kontinjen yang bertanding dalam 10 jenis sukan yang diadakan bermula 7 hingga 11 September.

"Kejohanan ini mempertandingkan 10 jenis sukan iaitu bola sepak, ragbi sentuh, ragbi tackle, hoki, tenis, badminton, ping pong, memanah, bola jaring, bola tampar dan sepak takraw.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	MRSM harus jadi wadah pembuka ruang, perluas pandangan
PAUTAN	https://tinyurl.com/2s59aexm

MRSM harus jadi wadah pembuka ruang, perluas pandangan – Tun Ramli



TUN Ramli Ngah Talib (tengah) bersama kontinjen MRSM Kedah yang dinobatkan selaku juara keseluruhan bagi Kejohanan MRSM SUPER-X yang berlangsung di Stadium Olahraga USM, Pulau Pinang malam tadi.-UTUSAN/DANIAL SAAD

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA 11 September 2026, 11:17 am

GEORGE TOWN : Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) harus menjadi wadah yang membuka ruang, memperluas pandangan serta memberi pendedahan yang lebih luas agar setiap anak tanpa mengira dari mana mereka datang, berpeluang mengembangkan potensi dan melangkah lebih jauh.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ramli Ngah Talib berkata, di sinilah terletak cabaran sebenar kepada pendidik kerana sistem pendidikan bukan sahaja menuntut keupayaan untuk membimbing murid yang lemah menjadi lebih cergas dan berdaya maju, tetapi, mengangkat murid yang sedia cemerlang agar menjadi lebih cemerlang.

"Pelajar MRSM merupakan antara anak-anak yang terpilih berdasarkan potensi dan pencapaian mereka. Namun, kecemerlangan sedia ada tidak bermakna tugas pendidik menjadi lebih mudah. Sebaliknya, para pendidik perlu sentiasa mencari pendekatan yang lebih progresif, kreatif dan proaktif.

"Justeru, jadikanlah MRSM sebagai tapak ujian atau medan mencungkil, menguji dan mengasah bakat terbaik agar daripada sistem ini, lahir generasi saintis, profesional dan pemimpin yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa," katanya.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	14 projek mega di Sabah didakwa batal akibat dana KKDW 'disekat'
PAUTAN	https://tinyurl.com/yd88238e

PAU 2026: 14 projek mega di Sabah didakwa batal akibat dana KKDW 'disekat'

Iylia Marsya Iskandar, Hakim Mahari dan Ahmad Mukhsein Mukhtar - September 12, 2026 @ 12:20pm



BH AI Search | Tanyakan Apa Sahaja Kepada BH

- BHESS Perkemas Mekanisme Rundingan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963
- Kekangan Aliran Tunai Punca Kelewatan Bayaran Kontraktor KKDW
- Pelantikan Tan Sri Johan Mahmood Merican Sebagai Pengerusi DNB Perkukuh Tadbir Urus Agensi

KUALA LUMPUR: Sebanyak 14 projek mega di Sabah membabitkan pembinaan jalan luar bandar, hospital dan sekolah didakwa dibatalkan selepas peruntukan berkaitan tidak disalurkan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Ketua UMNO Bahagian Kota Belud, Azuwan Marjan @ Norjan yang membangkitkan perkara itu pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2026 hari ini, mendakwa pembatalan akhirnya memberi kesan kepada rakyat Sabah, khususnya yang menetap di luar bandar dan pedalaman.

"Dukacita dimaklumkan, saya difahamkan 14 projek mega di Sabah terutamanya pembinaan jalan luar bandar, hospital dan sekolah di bawah KKDW terpaksa dibatalkan kerana peruntukan tidak disalurkan kepada KKDW.

"Kita faham perasaan presiden kita (Presiden UMNO merangkap Menteri KKDW, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi). Bagaimana kementerian boleh berbelanja melebihi peruntukan seperti yang dinyatakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, betul tak?

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Isu dana KKDW: UMNO Sabah dakwa 14 projek mega luar bandar terpaksa dibatalkan
PAUTAN	https://tinyurl.com/y8t88mzf

myMetro

MUTAKHIR

Isu dana KKDW: UMNO Sabah dakwa 14 projek mega luar bandar terpaksa dibatalkan

Oleh Iylia Marsya Iskandar
am@hmetro.com.my



KETUA UMNO Bahagian Kota Belud, Azuwan Marjan Norjan ketika menyampaikan ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 2026 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur (WTCKL). FOTO Raihana Mansor

Dapatkan berita ringkas di sini — Ringkaskan untuk saya

Kuala Lumpur: Sebanyak 14 projek mega di Sabah, merangkumi pembinaan jalan luar bandar, hospital dan sekolah didakwa dibatalkan selepas peruntukan berkaitan tidak disalurkan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Ketua UMNO Bahagian Kota Belud, Azuwan Marjan @ Norjan yang membangkitkan perkara itu pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2026 berkata, pembatalan berkenaan akhirnya memberi kesan kepada rakyat Sabah, khususnya yang menetap di kawasan luar bandar dan pedalaman.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Bajet KKDW berulang kali defisit, Mahathir desak Zahid beri penjelasan
PAUTAN	https://tinyurl.com/yfj9kert



KUALA LUMPUR: Penjelasan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bahawa tiada perbelanjaan dibuat melebihi peruntukan yang diluluskan masih belum menjawab persoalan teras mengenai ketidakcukupan bajet asal yang berlaku secara berulang setiap tahun.

Bekas Setiausaha Perikatan Nasional (PN) Wilayah Persekutuan, Dr Mahathir Mohd Rais menegaskan, isu utama yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) bukan sekadar sama ada perbelanjaan itu mendapat kelulusan sah, tetapi mengapa peruntukan asal bagi projek jalan luar bandar sentiasa berulang kali tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar. Politik

Beliau yang juga ahli PKR berkata seminggu selepas isu kelewatan bayaran kepada kontraktor luar bandar mencetuskan perdebatan, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri KKDW, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mempertahankan bahawa kementeriannya tidak berbelanja secara haram atau sesuka hati tanpa kelulusan kerajaan.

"Betul, sesebuah kementerian tidak boleh sesuka hati menggunakan wang awam tanpa kelulusan. Tetapi itu masih belum menjawab persoalan utama yang dibangkitkan Kementerian Kewangan. Kenapa peruntukan asal projek jalan luar bandar berulang kali tidak cukup untuk menampung perbelanjaan sebenar?" katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	TV9
TAJUK	MRSM dan pendidikan al - Quran dalam melahirkan generasi berilmu dan berakhlak
PAUTAN	https://tinyurl.com/mu8z3v7p

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Ahmad Zahid Hamidi has asked the Ministry of Higher Education to coordinate with universities to consider providing free flight tickets to students from B40 families who are studying outside their home districts
PAUTAN	https://tinyurl.com/4za93w4e

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	BERNAMA Radio
TAJUK	KPT diminta pertimbang tiket penerbangan percuma untuk pelajar B40
PAUTAN	https://tinyurl.com/2v22e987

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	KPT diminta pertimbang tiket penerbangan percuma untuk pelajar B40
PAUTAN	https://tinyurl.com/23rwdey8

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	77 peratus pelajar MRSM ditawarkan pengajian ijazah sarjana muda
PAUTAN	https://tinyurl.com/4s6zt9bc

77% pelajar MRSM ditawarkan pengajian ijazah sarjana muda

George Town: Kajian pengesanan pelajar terhadap lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) tahun 2025 menunjukkan 77 peratus pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ditawarkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Ramli Ngah Talib berkata, kajian Bahagian Pendidikan Menengah Majlis Amanah Rakyat (MARA) itu turut merekodkan 92 peratus lulusan mengikuti bidang aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Pencapaian itu amat membanggakan dan yakin peratusan tersebut mampu ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa, namun anak-anak perlu diingatkan ilmu yang tinggi perlu berjalan seiring dengan akhlak, integriti dan sifat bertanggungjawab.

"Negara bukan sahaja memerlukan generasi yang pintar menggunakan teknologi tetapi juga generasi yang mempunyai kebijaksanaan untuk menggunakannya demi kebaikan manusia dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Kejohanan Sukan dan Permainan MRSM Kebangsaan 2026 (SUPER X) di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah dan Ketua Pengarah MARA Datuk Seri Zulfikri Osman.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Pelajar TVET MARA dididik jadi generasi berintegriti
PAUTAN	https://tinyurl.com/udmvukft

Pelajar TVETMara dididik jadi generasi berintegriti

BESUT - Usaha membentuk generasi berintegriti perlu dimulakan sejak di institusi pendidikan agar mereka bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi turut mempunyai prinsip kukuh ketika memasuki dunia pekerjaan.

Pengarah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Mara Besut, Ir Ts Abdul Athar Ibrahim berkata, kemahiran membina kerjaya dan integriti menentukan bagaimana seseorang menggunakan ilmu dan amanah yang diberikan.

Menurutnya, pelajar TVETMara khususnya perlu diberi pendedahan awal mengenai kepentingan integriti dan bahaya rasuah memandangkan sebahagian besar pelajar institusi itu tidak pernah terdedah secara dekat berkaitan pencegahan rasuah.

"Sebenarnya, kebanyakan pelajar yang masuk di sini merupakan pelajar yang tidak terdedah dengan program-program sebegini.

"Ini adalah salah satu perkara yang kita rasa perlu diberikan kepada pelajar kerana mereka secara langsung akan terlibat dengan dunia luar yang lebih mencabar," katanya kepada Rasuah Busters selepas Program Jelajah Antirasuah IPMA 2026 di TVETMara Besut pada Selasa.

Program anjuran Unit Integriti Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu disertai kira-kira 200 peserta melibatkan pelajar daripada semester satu hingga lima pelbagai jurusan.

Jelajah edisi 2026 yang memasuki tahun ketiga itu menyasarkan enam lokasi IPMA di seluruh negara sehingga Oktober depan dengan libat urus mencecah 2,000 pelajar.

Jelajah itu disempurnakan dengan program ceramah integriti oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Turut hadir, Pengarah Projek Rasuah Busters yang juga Penasihat dan Pengasas Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhamad Nasir Hamzah.



Muhammad Nasir (kiri) menyampaikan Waqaf Al-Quran yang disumbangkan WUI kepada Abdul Athar.

Sementara itu, Muhamad Nasir turut berkongsi pandangan berkata, golongan muda wajar menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan dan bukan sekadar membacanya, tetapi memahami serta mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya.

Menurut beliau, generasi yang memahami al-Quran bukan sahaja mampu membina kehidupan yang lebih baik, malah dapat membentuk masyarakat berakhlak,bertanggungjawab dan berintegriti.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	SUPER x tonjol atlet muda MRSM
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n6rmtms

SUPER X tonjol atlet muda MRSM

Kembang bakat ke tahap lebih tinggi

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI



Kontinjen MRSM Kedah diwakili 170 atlet dari MRSM Pendang, MRSM PDRM Kulim, MRSM Merbok, MRSM Kubang Pasu, MRSM Baling dan MRSM Langkawi dinobat juara keseluruhan SUPER X 2026.

GEORGE TOWN - Kejohanan Sukan dan Permainan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kebangsaan 2026 (SUPER X) bukan sekadar pertandingan, sebaliknya menjadi platform penting dalam mengenal pasti, mencungkil dan mengembangkan bakat pelajar MRSM ke tahap lebih tinggi.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Seri Zulfikri Osman berkata, penganjuran SUPER X 2026 membuktikan sukan sebahagian daripada ekosistem pembangunan pelajar yang memberi ruang kepada mereka menguji potensi, meningkatkan prestasi serta membina pengalaman menerusi persaingan sihat.

Menurutnya, SUPER X 2026 menghimpunkan seramai 2,968 atlet muda daripada 14 kontinjen yang bertanding dalam 10 jenis sukan yang diadakan bermula 7 hingga 11 September.

"10 jenis sukan dipertandingkan iaitu bola sepak, ragbi sentuh, ragbi tackle, hoki, tenis, badminton, ping pong, memanah, bola jaring, bola tampar dan sepak takraw.

"Lebih 300 sukarelawan serta hampir 600 guru pengiring, urus setia dan pegawai teknikal turut terlibat," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan SUPER X 2026 di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini pada Khamis.

Majlis disempurnakan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ramli Ngah Talib.

Zulfikri menambah, setiap atlet yang mengambil bahagian mempunyai potensi tersendiri dan perlu terus dibimbing serta diberikan ruang untuk berkembang sehingga mampu mencapai tahap lebih tinggi.

Katanya, pengalaman yang dibina melalui sukan juga boleh menjadi asas kepada pencapaian lebih besar dalam kehidupan.

"Dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Menengah Mara, SUPER X bukan sekadar medan merebut kejuaraan dan pingat sebaliknya menjadi platform strategik pelajar mengembangkan potensi diri," katanya.

Terdahulu, kontinjen MRSM Kedah diwakili 170 atlet dari MRSM Pendang, MRSM PDRM Kulim, MRSM Merbok, MRSM Kubang Pasu, MRSM Baling dan MRSM Langkawi dinobat sebagai juara keseluruhan SUPER X 2026 selepas meraih 14 pingat meliputi enam emas, tiga perak dan lima gangsa.

Kontinjen MRSM Pulau Pinang pula bergelar naib juara dengan kutipan lima pingat emas, tiga perak dan dua gangsa selain memenangi anugerah Maskot Terbaik manakala MRSM Perak B menduduki tangga ketiga membawa pulang 15 butir pingat iaitu empat emas, empat perak serta tujuh gangsa.

Kontinjen MRSM Kelantan muncul johan perbarisan diikuti MRSM Johor dan MRSM Sarawak di tempat kedua dan ketiga.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **12 - 14 SEPTEMBER 2026 (SABTU - ISNIN)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	SUPER x platform lahir bakat sukan muda, atlet berpotensi
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n7437dk

SUPER X platform lahir bakat sukan muda, atlet berpotensi

Kejohanan himpunkan 2,968 atlet daripada 14 kontinjen MRSM

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my



Ramli menyampaikan hadiah pada Majlis Penutupan SUPER X 2026 di Stadium Olahraga USM, malam kelmarin. (Foto Auris Faqrurazzi/BH)

Georgetown: Penganjuran sulung Kejohanan Sukan dan Permainan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kebangsaan 2026 (SUPER X) yang menutup tirai di kampus Universiti Sains Malaysia (USM) kelmarin melakar sejarah tersendiri apabila menghimpunkan 2,968 atlet daripada 14 kontinjen MRSM seluruh negara.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Seri Zulfikri Osman, berkata skala penyertaan kejohanan selama empat hari membabitkan lebih 300 sukarelawan serta hampir 600 guru pengiring, urus setia dan pegawai teknikal menjadikan SUPER X, antara platform penting dalam kalendar pembangunan pelajar MRSM peringkat kebangsaan.

"Sukan sebahagian ekosistem pembangunan pelajar memberi ruang kepada anak-anak untuk menguji potensi, meningkatkan prestasi dan membina pengalaman melalui persaingan sihat.

"Lebih daripada sekadar mencari pemenang, SUPER X memberikan peluang mengenal pasti, mencungkil dan mengembangkan bakat pelajar MRSM," katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan SUPER X 2026 di Stadium Olahraga USM, malam kelmarin.

Yang turut hadir menyempurnakan majlis Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ramli Ngah Talib bersama isteri, Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk A Rajendran mewakili Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Zulfikri menegaskan, setiap atlet seharusnya dibimbing serta diberikan ruang berkembang sehingga mampu mencapai tahap lebih tinggi dan percaya pengalaman dibina melalui sukan boleh menjadi asas kepada pencapaian lebih besar dalam kehidupan.

Katanya, ekosistem pendidikan MARA bermula daripada MRSM pada peringkat menengah seterusnya institusi pendidikan tinggi seperti Kolej MARA, Kolej Profesional MARA dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional melalui TVET-TMARA, GIATMARA, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German Malaysian Institute (GMI) dan institusi berkaitan.

Sehubungan itu, katanya SUPER X dianjurkan Bahagian Pendidikan (BPM) MARA memperlihatkan kekuatan besar, iaitu MARA sebagai sebuah 'Unified Entity' mempunyai pelbagai bahagian, institusi, kepakaran dan fungsi berbeza, tetapi semuanya mempunyai matlamat sama, iaitu memperkasa anak bangsa dan membina masa depan yang lebih baik.

"MARA kini mempunyai 585 pusat di dalam dan luar negara termasuk 345 institusi pendidikan MARA dengan kekuatan 'Unified Entity' ini didukung ekosistem MARA yang amat luas merangkumi bukan sahaja pendidikan, tetapi turut membabitkan pembangunan keusahawanan, pembiayaan, kemahiran, pembangunan bakat serta jaringan industri.

"Seramai 165,000 penuntut sedang mengikuti pengajian pada 2026 di luar dan dalam negara dan ini mencerminkan MARA mempunyai ekosistem pendidikan luas, berdaya upaya yang setiap hari membuka ruang kepada anak bangsa mendapatkan pendidikan berkualiti," katanya.

Pilih bidang STEM

Sementara itu, Ramli dalam ucapannya berkata, beliau bangga apabila dimaklumkan Kajian Pengesanan Pelajar oleh BPM MARA mendapati 92 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian dalam bidang STEM amat diperlukan dalam pembangunan masa depan negara.

Beliau bersyukur melihat generasi muda hari berpeluang menimba ilmu, bersukan, mengejar persahabatan dan cita-cita dengan menikmati kemudahan lebih baik dalam suasana aman berbanding zamannya ketika negara belum mencapai kemerdekaan.

"Saya juga pernah menjadi anak sekolah berasrama, namun perjalanan pendidikan saya melalui zaman sangat berbeza kerana saya mula bersekolah ketika negara belum mencapai kemerdekaan kemudahan tidak seperti anak-anak nikmati hari ini perjalanan mendapatkan pendidikan ketika itu bukan sesuatu yang mudah," katanya.

Terdahulu, kontinjen MRSM Kedah diwakili 170 atlet dari MRSM Pendang, MRSM PDRM Kulim, MRSM Merbok, MRSM Kubang Pasu dan MRSM Langkawi dinobat sebagai juara keseluruhan SUPER X 2026 selepas meraih 14 pingat meliputi enam emas, tiga perak dan lima gangsa.

Naib juara Kontinjen MRSM Pulau Pinang dengan kutipan lima pingat emas, tiga perak dan dua gangsa selain memenangi anugerah Maskot Terbaik, manakala MRSM Perak B menduduki tangga ketiga membawa pulang 15 pingat iaitu empat emas, empat perak serta tujuh gangsa.

Sebanyak 10 acara sukan dan permainan dipertandingkan termasuk badminton, bola jaring, bola sepak, bola tampar, hoki, memanah, ping pong, ragbi, sepak takraw dan tenis selain kontinjen MRSM Kelantan muncul johan perbarisan diikuti MRSM Johor dan MRSM Sarawak di tempat kedua dan ketiga.